



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

WARIS PENDEPOSIT SSPN-I TERIMA MANFAAT TAKAFUL PERCUMA

1. PTPTN melalui **Program Ziarah PTPTN Prihatin** telah mengunjungi 2 (dua) waris pendeposit SSPN-i untuk menyerahkan manfaat perlindungan takaful. Penyerahan ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi dengan diiringi Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN.
2. Kunjungan pertama pada **27 April 2021** lalu adalah ke rumah suami kepada Allahyarhamah Wan Natrah binti Meor Abd Malik di Tanjung Tualang, Perak. Wan Natrah binti Meor Abd Malik, 56 tahun, telah meninggal dunia pada 15 Jun 2018 akibat perdarahan intrakranial. Beliau merupakan pendeposit SSPN-i yang telah membuka akaun pada 31 Disember 2013 untuk seorang anak lelaki beliau. Ketika disahkan meninggal dunia, beliau mempunyai simpanan SSPN-i yang melayakkan beliau menerima manfaat perlindungan takaful percuma berjumlah RM3,122.56 yang bersamaan dengan jumlah simpanan serta khairat kematian sebanyak RM2,000.00.
3. Ziarah PTPTN Prihatin yang kedua adalah pada **3 Mei 2021** lalu, mengunjungi rumah isteri Allahyarham Muhamad Ashraf bin Abdullah di Gemencheh, Negeri Sembilan. Beliau merupakan pendeposit SSPN-i telah membuka akaun pada 8 Januari 2014 untuk anak perempuan beliau. Beliau telah meninggal dunia akibat kegagalan jantung pada 5 Julai 2017 ketika berumur 55 tahun. Ketika disahkan meninggal dunia, beliau mempunyai simpanan SSPN-i yang melayakkan beliau menerima manfaat perlindungan takaful percuma dengan jumlah RM2,247.48 yang bersamaan dengan jumlah simpanan di samping khairat kematian sebanyak RM2,000.00.

4. Inilah keistimewaan SSPN-i yang memberikan manfaat perlindungan takaful percuma secara Ringgit ke Ringgit kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas jika berlaku kematian/ ilat kekal menyeluruh kepada mereka. Sehingga 31 Mac 2021, sebanyak 2,985 tuntutan telah dibayar dengan jumlah manfaat perlindungan takaful dan khairat kematian percuma sebanyak RM19.08 juta.
5. Sememangnya nilai manfaat ini tidak dapat menggantikan kasih sayang dan tanggungjawab sebagai seorang ibu atau bapa, namun simpanan di dalam SSPN-i dan nilai manfaat yang diterima ini dapat menampung kos pendidikan anak-anak yang ditinggalkan. Kedua-dua pendeposit telah membuat pilihan yang tepat dengan membuat perancangan kewangan untuk masa depan pendidikan anak-anak melalui SSPN-i bagi memastikan pendidikan dan masa depan anak-anaknya terus terjamin walaupun mereka telah tiada.
6. SSPN-i turut menawarkan keistimewaan lain kepada pendeposit seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, dividen yang kompetitif, simpanan dijamin oleh Kerajaan, pemberian geran sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga dan patuh syariah. SSPN-i ini diperkenalkan oleh PTPTN yang merupakan tabung pendidikan utama Negara di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sewajarnya dimiliki oleh setiap isi rumah kerana menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat yang baik dan menyeluruh. Layari www.lovesspn.com untuk membuka akaun SSPN-i.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
7 Mei 2021